

**Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Aplikasi Dalam Talian
Dan Sikap Pensyarah Dalam Pembelajaran Jarak Jauh Di Universiti
Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Semasa Pandemik Covid-19**

**Level of Student Satisfaction with Online Applications and Attitude
of Lecturers on Distance Learning in Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia (UTHM) During Pandemic Covid-19**

Arwansyah bin Kirin (Corresponding Author)

Pusat Pengajian Umum dan Ko-Kurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
arwansyah@uthm.edu.my

**Faisal Husen Ismail, Muhammad Masruri, Siti Marpuah, Hafizah
Binti Ahmad**

Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Wan Shahira Mardhiah binti Wan Zahari

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Era pandemik Covid-19 yang melanda seluruh negara nyata memberi impak yang besar kepada masyarakat dunia dalam semua sektor. Malaysia juga tidak terkecuali menghadapi gangguan kesan daripada pandemik ini terutama sekali terhadap isu pendidikan. Oleh itu, Malaysia terpaksa mengambil langkah yang drastik bagi membendung penularan wabak ini iaitu dengan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Antara intipati utama PKP ialah arahan penutupan institusi pengajian tinggi (IPT). Perkara ini dilihat sangat memberi kesan kepada sistem pendidikan negara. Rentetan itu, satu inisiatif iaitu pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara maya atau dalam talian dilaksanakan sepenuhnya di negara ini bertujuan memastikan aktiviti pembelajaran tidak terhenti disebabkan penularan wabak ini. Kajian mendapati, para pelajar mula kehilangan minat terhadap pembelajaran secara maya. Pelajar mula berasa kurang yakin dengan sesi pembelajaran dalam talian. Secara tidak langsung, masalah disiplin pelajar akan meningkat sekaligus menjejaskan isu kesihatan mental pelajar. Selain itu, perubahan norma hidup telah memberi impak yang negatif terhadap sesi pembelajaran pelajar bersama tenaga pengajar. Sikap pensyarah yang dilihat kurang memahami keadaan pelajar merupakan cabaran utama sesi pembelajaran atas talian. Dikhawatiri para pelajar akan mula hilang fokus, tidak dapat mengikut rentak pembelajaran dan akhirnya akan tercicir ilmu. Justeru, kajian mengenai kepuasan pelajar terhadap aplikasi dalam talian dan sikap pensyarah terhadap pelajar perlu dijalankan. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneliti tahap kepuasan pelajar terhadap aplikasi dalam talian dan sikap pensyarah dalam pembelajaran jarak jauh. Bagi mencapai objektif ini, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif iaitu

melakukan tinjauan melalui borang soal selidik dengan menggunakan Google Form. Kajian ini mengambil sampel pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Parit Raja, Batu Pahat, Johor yang terdiri daripada pelajar sarjana muda dan diploma. Pengumpulan data melalui Google Form disalurkan dengan menggunakan medium Whatsapp, Telegram dan e-mel. Penganalisan data ini menggunakan Statistic Pack-age for Social Science (SPSS 2.3) bagi mengukuhkan lagi kajian. Hasil kajian mendapati, para pelajar memiliki kepuasan yang tinggi terhadap aplikasi dalam talian yang dijalankan oleh UTHM semasa Pembelajaran Jarak Jauh (PJJ). Begitu juga dengan tahap kepuasan para pelajar terhadap sikap pensyarah yang dilihat sangat berpuas hati semasa sesi pembelajaran dijalankan.

Kata Kunci: Pandemik Covid-19, pembelajaran jarak jauh, aplikasi dalam talian, sikap pensyarah

Abstrack

The era of the Covid-19 pandemic that hit the whole country clearly had a huge impact on the world community in all sectors. Malaysia is no exception to face the disruptive effects of this pandemic, especially on education issues. Therefore, Malaysia had to take drastic measures to curb the spread of this pandemic by enforcing the Movement Control Order (MCO). Among the main essence of MCO is the directive to close institutions of higher education. This matter will cause a huge impact on the country's education system. Therefore, an initiative that is teaching and learning (PdP) virtually or online is fully implemented in the country to ensure that learning activities do not stop due to the spread of this pandemic. The study found that students began to lose interest in virtual learning. Students begin to feel less confident with online learning sessions. Indirectly, student's disciplinary problems will increase thus affecting student's mental health issues. In addition, new norms in living have had a negative impact on student's learning sessions with lecturers. The attitude of lecturers who do not understand the situation of students is the main challenge of online learning sessions. It will be a problem that students will begin to lose focus, not be able to follow the rhythm of learning and eventually will drop out of knowledge. This study is focusing on student satisfaction with online applications and lecturer's attitudes towards students should be conducted. Therefore, this study aims to examine the level of student's satisfaction with online applications and the attitudes of lecturers in distance learning. To achieve this objective, the researcher uses a quantitative method to conduct a survey through a questionnaire using Google Form. This study took a sample of students from Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Parit Raja, Batu Pahat, Johor consisting of undergraduate and diploma students. Data collection through Google Form is channeled using the medium of Whatsapp, Telegram and e-mail. This data analysis uses the Statistical Package for Social Science (SPSS 2.3) to strengthen the study. The results of the study found that the students have high satisfaction with the online application conducted by UTHM during Online Distance Learning (ODL). Similarly, the level of satisfaction of the students towards the attitude of the lecturers who were seen to be very satisfied during the learning sessions.

Keywords: Covid-19 pandemic, distance learning, online application, lecturer's attitude

3 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Aplikasi Dalam Talian Dan Si-kap Pen-syarah Dalam Pembelajaran Jarak Jauh Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Semasa Pandemik Covid-19

Pendahuluan

Sehingga saat ini, dunia masih menghadapi serangan wabak Covid-19, krisis virus Covid-19 yang dilaporkan berasal dari Wuhan (China). Ianya telah diisytiharkan oleh World Health Organization (WHO) pada 11 Mac 2020 sebagai pandemik Covid-19 dimana penularan wabak ini dapat menyerang skop yang lebih besar yang tidak terhad pada sesuatu daerah dan komuniti semata. Covid-19 telah merebak ke seluruh dunia begitu juga Malaysia tidak terkecuali. Negara Malaysia merupakan salah satu yang terjejas akibat covid-19, berdasarkan data yang diperolehi per 04/8/2021 jumlah terpapar Covid-19 di Malaysia mencapai 1,163,291 (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Sementara itu, di Johor sendiri yang terpapar Covid-19 telah mencapai 1,275 kes (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). Rentetan daripada Covid-19 ini maka, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan hampir 186 buah negara di seluruh dunia termasuklah negara Malaysia sendiri. Akibatnya, pergerakan menjadi terbatas dan aktiviti seharian hanya boleh dilakukan dalam ruang lingkung kawasan rumah sahaja. Keadaan ini telah memaksa kerajaan Malaysia untuk mengumumkan PKP memandangkan pandemik yang berlaku boleh membahayakan kesihatan dan keselamatan rakyat Malaysia. Tan Sri Mahyiddin Md Yassin, bekas Perdana Menteri Malaysia memberi arahan untuk menutup institusi pendidikan termasuklah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) (Berita Harian, 2021). Arahan penutupan institusi ini memberi kesan kepada sistem pendidikan negara di mana semua institusi pendidikan di setiap peringkat diarahkan untuk ditutup termasuklah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). UTHM merupakan salah satu universiti yang

terletak di Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Seperti yang lain, UTHM juga menyambut seruan perdana menteri untuk tidak melaksanakan aktiviti kampus seperti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) bersemuka dan menukarkannya menjadi pembelajaran secara dalam talian. Pembelajaran dalam talian adalah satu-satunya cara dan inisiatif dalam melangsungkan pembelajaran walaupun tanpa perjumpaan fizikal antara guru dan murid (Mohd Salleh et al. 2020). Malah, pembelajaran dalam talian dilaksanakan hampir di seluruh dunia semasa pandemik Covid-19 melanda (Dong et al. 2020). Ia merupakan satu kaedah pembelajaran yang menerapkan penggunaan teknologi dalam P&P (Afriyanti et al. 2018). Bahkan, pembelajaran secara dalam talian merupakan satu-satunya cara bagi memastikan sesebuah pembelajaran itu masih boleh dilaksanakan tanpa mengira tempat dan masa (Md Noor Salleh, 2019). Selain itu, pembelajaran dalam talian atau secara maya dapat memberi pengaruh yang positif kepada murid seperti kemampuan untuk meningkatkan sikap dan motivasi murid terhadap sesebuah mata pelajaran (Nurul Hafizah Maarof et al. 2020). Selain itu, ia juga merupakan sebuah pembelajaran elektronik di mana penyampaian sesebuah pembelajaran itu boleh berlaku di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja (Ahmad Johari Sihes & Norbaizura Sani, 2011). Berikutan wabak Covid-19 melanda, alternatif dalam pelaksanaan aktiviti pembelajaran dalam talian adalah dengan menggunakan teknologi (Salsabila et al. 2020). Dalam bidang pendidikan, penggunaan teknologi bukanlah sesuatu yang asing. Peralihan pelaksanaan aktiviti P&P sepenuhnya dengan menggunakan teknologi telah mengubah norma kebiasaan masyarakat. Semua lapisan masyarakat termasuk ibu bapa, pelajar, guru, pihak pentadbir dan kementerian pendidikan harus akur dan menerima kenyataan bahawa mereka perlu menyesuaikan diri dengan

5 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Aplikasi Dalam Talian Dan Si-kap Penyarah Dalam Pembelajaran Jarak Jauh Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Semasa Pandemik Covid-19

persekitaran dan norma baharu ini dalam memastikan aktiviti pembelajaran tidak terhenti disebabkan penyebaran wabak ini. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat telah membolehkan dunia pendidikan turut menerima tempiasnya. Kemajuan ini telah memberikan perubahan kepada cara P&P yang selama ini masih bergantung kepada kandungan daripada buku teks dan penyampaian guru di dalam kelas (Kop, 2011). Adunan penggunaan teknologi dalam penyampaian pembelajaran mampu memberikan impak yang positif dalam P&P (Muhammad Mazni et al., 2019). Oleh yang demikian, sekolah pada abad ke-21 seharusnya mempunyai penerapan teknologi dalam proses pembelajaran (Lisa Nopilda & Muhammad Kristiawan, 2018). Oleh itu, penggunaan teknologi dalam pendidikan seharusnya menjadi sebahagian daripada pedagogi program pendidikan guru di zaman kini (Lambert & Cuper 2008; Baek et al. 2008; Yaoran et al. 2019). Hal ini kerana, pelaksanaan proses P&P secara dalam talian telah menjadi satu keperluan yang mendesak ketika dunia menghadapi krisis wabak Covid-19 ini. Justeru, pelbagai jenis aplikasi telah digunakan oleh pendidik bagi meneruskan sistem pendidikan antaranya seperti aplikasi *Webex Blackboard*, *Google Classroom*, *Zoom*, *Google Meet* dan sebagainya. Kemudahan pelbagai aplikasi ini dapat menyampaikan maklumat, arahan, latihan dan kuiz dalam sesi pembelajaran secara maya. Pelbagai kaedah belajar dapat dilaksanakan dengan cemerlang menerusi aplikasi ini sekiranya para pendidik berkemahiran dalam penggunaannya. Hal ini tidak dijadikan alasan kesukaran dalam menimba ilmu kerana agenda pendidikan negara perlu diteruskan memandangkan pembelajaran adalah bersifat sepanjang hayat. Walaupun terdapat banyak kelebihan penggunaan teknologi dalam

pendidikan, tidak dinafikan bahawa tidak semua pendidik yakin dan berkemampuan menguasai penggunaan aplikasi pembelajaran atas talian walaupun pelbagai aplikasi mudah dan mesra diperkenalkan (Keith Heggart & Joanne Yoo, 2018). Desiro & Hazrati (2021) menyatakan bahawa warga pendidik perlu menguasai sesuatu ilmu agar dapat menyampaikannya dengan baik kepada pelajar. Pembelajaran abad ini yang menggunakan pelantar M-pembelajaran atas talian seperti *Google Classroom* sangat penting dalam meneruskan pendidikan di negara ini. Namun bagi para pelajar, pembelajaran secara maya di rumah mempunyai kelemahan dan kurang memberi kesan kepada mereka. Menerusi kajian Zamry & Ashikin (2021) mendapati bahawa para pelajar kurang aktif atau mengambil bahagian dalam aktiviti berkumpulan secara dalam talian berbanding kelas bersemuka. Pelajar menghadapi kesukaran bagi melibatkan diri dalam perbincangan kelas. Selain itu, para pelajar juga kurang bermotivasi untuk belajar isi kandungan pelajaran berbanding kelas secara bersemuka. Hal ini menggambarkan bahawa para pelajar semakin kurang efisien dan tidak bersemangat dalam sesi pembelajaran secara maya. Sekiranya berterusan, para pelajar akan hilang fokus dan rentak pembelajaran. Perkara ini akan menjejaskan markah ujian mereka dan akhirnya membawa kepada masalah psikologi seperti stres, kecewa dan kemurungan. Hal ini dikukuhkan lagi menerusi kenyataan Rira Kartika (2020) yang menyatakan bahawa gejala stres dalam kalangan mahasiswa semakin meningkat berikutan pembelajaran jarak jauh semasa pandemik Covid-19. Bebanan kerja, persekitaran tidak kondusif dan keterbatasan pemahaman dalam sesuatu subjek menyebabkan pelajar menghadapi tekanan dalam menuntut ilmu. Justeru, bertitik tolak daripada permasalahan ini, kajian lanjut mengenai aplikasi dalam talian serta sikap

7 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Aplikasi Dalam Talian Dan Sikap Pensyarah Dalam Pembelajaran Jarak Jauh Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Semasa Pandemik Covid-19

pensyarah dalam pembelajaran jarak jauh harus diteliti dan dikaji bagi mengukur tahap kepuasan para pelajar terhadapnya. Dengan kajian ini juga, pengkaji akan mengetahui tahap kepuasan pelajar sekaligus membendung segala permasalahan yang timbul berikutan pembelajaran jarak jauh semasa era pandemik.

LITERATURE REVIEW

Sepanjang kajian ini dijalankan usaha-usaha untuk mengkaji tentang tahap kepuasan pelajar terhadap aplikasi dalam talian dan sikap para pensyarah semasa kelas online telahpun pernah dikaji di antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Nur Hazirah et al., (2020) yang bertajuk : *Pengajaran dan Pemudahcaraan dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan* menyimpulkan bahawa tahap penggunaan aplikasi dalam talian sangat berguna untuk tujuan P&P semasa tempoh PKP. Hal ini kerana, aplikasi yang diterapkan oleh pendidik memudahkan sesi pembelajaran dengan lebih berkesan walaupun terdapat kekangan semasa era pandemik ini. Dalam kajiannya juga menyatakan bahawa tahap penggunaan aplikasi dalam talian oleh pendidik semasa penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berada pada tahap yang memuaskan. Menerusi kajian ini, dapat dilihat bahawa tenaga pengajar atau pendidik memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan aplikasi teknologi maklumat digunakan secara efektif.

Selain itu kajian yang dibuat oleh Nur Fatin Shamimi et al., (2021) yang bertajuk : *Persepsi Pelajar Terhadap Aplikasi Multimedia Interaktif dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21* menyimpulkan bahawa penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

termasuklah aplikasi pembelajaran abad ke-21 ini memberi kesan yang positif kepada para pelajar serta aplikasi multimedia mampu menarik minat dan membantu pelajar lebih fokus dalam pelajaran. Kajian yang dibuat oleh Hamid & Hanafiah (2016) bertajuk : *Pemikiran Belia Malaysia: Pengaruh Umur, Etnisi dan Status Ekonomi (Thoughts of Malaysia Youth: Influence of Age, Ethnicity and Economic Status)* menceritakan tentang penggunaan pelbagai aplikasi dapat melahirkan pelajar yang berpengetahuan dalam segala aspek, malah celik dari segi penggunaan teknologi. Penggunaan aplikasi ini merupakan kemahiran abad ke-21 yang perlu dipelajari oleh setiap individu untuk berjaya dan tidak ketinggalan dalam mengharungi abad yang mencabar ini. Dalam kajian Fiona & Suziyani (2021) pula yang bertajuk : *Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Kualiti Pendidikan Prasekolah Kerajaan* menceritakan tentang faktor tahap kepuasan ibu bapa terhadap kualiti guru. Kajian ini dilakukan berikutan kesedaran pentingnya memastikan ibu bapa dan juga pendidik berpuas hati dengan kualiti yang akan memberi impak kepada kanak-kanak. Begitu juga dengan kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji bagi memastikan sikap pendidik iaitu pensyarah dalam pembelajaran jarak jauh harus dikenal pasti. Hal ini bagi menjamin kualiti pendidikan secara maya. Walaupun terdapat kekangan semasa pandemik Covid-19, kerjasama dari semua pihak amat penting terutamanya tenaga pengajar bagi meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia. Menerusi kajian Zamry & Ashikin (2021) yang bertajuk : *Peralihan dari Pembelajaran Bersemuka ke Pembelajaran Secara Atas Talian Untuk Subjek Mechanics of Civil Engineering Structures Semasa Pandemik Covid-19* mendapati bahawa para pelajar kurang mengambil bahagian dalam aktiviti berkumpulan secara dalam talian berbanding kelas

9 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Aplikasi Dalam Talian Dan Si-kap Pensyarah Dalam Pembelajaran Jarak Jauh Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Semasa Pandemik Covid-19

bersemuka dengan nilai min terendah iaitu 3.15. Kaedah kuantitatif yang digunakan adalah bertujuan menentukan sikap, persepsi dan perbandingan terhadap sesi pembelajaran bersemuka dengan sesi pembelajaran secara maya. Kajian ini dilakukan bertujuan membantu para pensyarah dalam membuat penambahbaikan menerusi sesi pembelajaran ketika PJJ berlangsung. Namun, kajian yang dilakukan oleh beliau hanya berfokus kepada satu subjek sahaja sebagai kajian persepsi pelajar. Hal ini berbeza dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji iaitu ingin melihat tahap kepuasan para pelajar ketika PJJ dengan mengambil kira aplikasi yang digunakan serta sikap pensyarah semasa pembelajaran berlangsung. Secara kesimpulannya, berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian terdahulu memaparkan betapa pentingnya sesi pembelajaran yang dilakukan dengan berkesan dan sikap pendidik termasuklah pensyarah memainkan peranan yang penting dalam meneruskan agenda pendidikan negara bagi melahirkan generasi yang berilmu.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam mengenal pasti tahap kepuasan pelajar terhadap aplikasi dan pengajaran pensyarah dalam pembelajaran jarak jauh (PJJ) secara dalam talian di UTHM semasa pandemik Covid-19. Penyelidikan secara kuantitatif digunakan kerana penggunaan bilangan statistik yang ramai iaitu lebih daripada 10 sampel kajian bagi pengukuran pemboleh ubah di dalam setiap kajian yang dikaji (Norsyamimi & Mujaheed, 2019). Teknik yang dipilih untuk melakukan kajian tinjauan adalah dengan menggunakan soal selidik. Ini adalah kerana soal selidik adalah cara yang praktikal dan paling berkesan untuk

mendapatkan maklumat (Najmul Hasan & Bao Yukun, 2020). Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian tinjauan untuk mengetahui tahap kepuasan pelajar terhadap aplikasi dan syarahan pensyarah dalam PJJ dalam talian di UTHM semasa pandemik Covid-19. Sampel kajian terdiri daripada 403 orang pelajar UTHM iaitu seramai 215 orang pelajar lelaki dan 188 orang pelajar perempuan. Kajian ini menjadikan pelajar UTHM sebagai sampel kajian memandangkan mereka adalah golongan yang menerima manfaat terbesar dalam menjalani PJJ dalam talian dan pandangan mereka haruslah dijadikan rujukan. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan persampelan rawak di mana kesemua sampel dalam populasi ini mempunyai peluang yang sama untuk terpilih menjadi responden (Norma Jusof & Mohd Isa Hamzah, 2020). Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel yang telah disediakan oleh Krejcie & Morgan (1970) dan jadual Cohen et al. (2001), saiz sampel ini adalah bersesuaian dengan populasi pelajar UTHM Johor iaitu lebih daripada 18.000 pelajar manakala unit analisis kajian ini adalah individu pelajar sarjana muda dan diploma. Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, B, dan C. Bahagian A mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan maklumat latar belakang responden manakala Bahagian B dan C mengumpul data mengenai tahap kepuasan pelajar terhadap aplikasi dan syarahan pensyarah dalam PJJ dalam talian semasa pandemik Covid-19. Bahagian A (Maklumat diri) adalah soal selidik berkaitan dengan maklumat diri responden. Pengkaji membina soalan untuk maklumat ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat latar belakang subjek kajian seperti jantina, umur, bangsa, agama dan tahap pendidikan. Soalan di Bahagian B mengandungi soalan berhubung dengan tahap kepuasan pelajar terhadap aplikasi dalam talian di mana responden diberi 5 pilihan item yang berkaitan dengan tahap

11 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Aplikasi Dalam Talian Dan Si-kap Pensyarah Dalam Pembelajaran Jarak Jauh Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Semasa Pandemik Covid-19

kepuasan pelajar terhadap aplikasi dalam talian dan mereka boleh memilih satu atau lebih pilihan yang paling hampir dengan pendapat mereka. Bahagian C pula, soalan menjurus kepada tahap kepuasan pelajar terhadap syarahan pensyarah dalam mengajar dalam talian. Untuk Bahagian B dan C, setiap soalan akan dikira skor dengan menggunakan skala Likert di mana skala 1 adalah paling tidak setuju, skala 2 mewakili tidak setuju, skala 3 mewakili skor yang tidak pasti, skala 4 mewakili setuju dan skala 5 mewakili paling setuju. Skor untuk setiap soalan akan dijumlahkan dan dipersembahkan dalam nilai frekuensi (kekerapan), peratus, min dan sisihan piawai. Pengiraan untuk mendapatkan skor min adalah menggunakan perisian Statistic Package for Social Science (SPSS 2.3). Kajian rintis telah dijalankan untuk mendapatkan kesahihan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan (Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow Tze Wei, 2017). Bagi tujuan ini, seramai 30 responden telah dipilih untuk menguji kebolehpercayaan soalan kajian. Pelajar yang dipilih adalah pelajar yang mempunyai ciri-ciri yang lebih kurang sama dengan populasi kajian. Data yang diperoleh daripada kajian rintis ini dianalisis dengan menggunakan perisian (SPSS 2.3). Nilai Alpha cronbach yang diperoleh daripada analisis kajian rintis ini adalah 0.83 iaitu berada pada tahap kebolehpercayaan yang baik kerana nilai yang diperoleh adalah hampir dengan 1 (McNeish, 2018). Instrumen yang dihasilkan dalam bentuk elektronik dengan menggunakan platform Google Form dan diedarkan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi media sosial seperti Whatsapp, Telegram dan e-mel. Tempoh untuk instrumen diedarkan adalah pada awal bulan Mei 2021 sehingga awal Jun 2021.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Demografi Responden

Demografi peserta responden ini telah dibentuk dari segi jantina, umur, bangsa, agama dan tahap pendidikan pelajar. Jadual 1 menunjukkan ciri demografi responden. Jadual 1 di bawah menunjukkan bahawa daripada 403 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini, bilangan responden lelaki seramai 215 orang (53.3%) dan responden perempuan seramai 188 orang (46.7%). Pada peringkat umur pelajar, jadual menunjukkan bahawa pelajar yang memiliki tahap umur yang tinggi iaitu 20 tahun ke bawah seramai 286 orang (71.0%) dan pelajar yang memiliki tahap umur 20 tahun ke bawah seramai 117 orang (29.0%). Daripada jadual juga dapat diketahui bahawa majoriti responden tertinggi adalah bangsa Melayu iaitu seramai 298 orang (73.9%), kemudian diikuti oleh bangsa Cina seramai 41 orang (10.2%), seterusnya adalah bangsa India seramai 35 orang (8.7%) dan bangsa lain-lain iaitu seramai 29 orang (7.2%). Jadual di bawah juga menjelaskan kepada kita bahawa Agama Islam merupakan tahap tertinggi dalam kajian ini iaitu seramai 307 orang (76.2%), diikuti oleh agama Buddha iaitu seramai 37 orang (9.2%), kemudian diikuti oleh agama Hindu iaitu seramai 34 orang (8.4%), seterusnya adalah agama Kristian iaitu seramai 23 orang (5.7%) dan terakhir adalah agama lain-lain iaitu seramai 2 orang (0.7%). Tahap Pendidikan pula dapat dilihat dalam jadual ianya menunjukkan bahawa pelajar Sarjana Muda memiliki tahap yang lebih tinggi iaitu seramai 276 orang (68.5%) manakala pelajar Diploma hanya berjumlah seramai 127 orang (31.5%).

13 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Aplikasi Dalam Talian Dan Si-kap Pen-syarah Dalam Pembelajaran Jarak Jauh Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Semasa Pandemik Covid-19

Jadual 1 - Maklumat demografi responden

Latar Belakang Pelajar	Maklumat	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	215	53.3%
	Perempuan	188	46.7%
Umur	20 Tahun Ke bawah	286	71.0%
	20 Tahun Ke atas	117	29.0%
Bangsa	Melayu	298	73.9%
	Cina	41	10.2%
	India	35	8.7%
	Lain-lain	29	7.2%
Agama	Islam	307	76.2%
	Kristian	23	5.7%
	Buddha	37	9.2%
	Hindu	34	8.4%
	Lain-lain	2	0.7%
Pendidikan	Sarjana Muda	276	68.5%
	Diploma	127	31.5%

4.2 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Aplikasi Dalam Talian

Dalam aspek tahap kepuasan responden terhadap aplikasi dalam talian, jumlah skor min yang paling tinggi iaitu item ke tiga sebanyak 4.19 iaitu para pelajar lebih puas dalam penggunaan *Google Classroom* semasa PJJ dalam talian. Manakala tahap yang paling rendah iaitu item ke 4 dengan jumlah skor min 3.47. Hal ini menunjukkan tahap kepuasan pelajar dalam penggunaan aplikasi *Zoom* lebih rendah berbanding aplikasi yang lain. Namun secara keseluruhan, tahap kepuasan responden terhadap aplikasi dalam talian semasa PJJ adalah ditahap yang tinggi iaitu 3.97. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar UTHM mempunyai tahap kepuasan yang

tinggi terhadap aplikasi dalam talian yang digunakan oleh pihak pentadbir UTHM semasa pembelajaran jarak jauh.

Jadual 2 - Tahap kepuasan pelajar terhadap aplikasi dalam talian

No	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya dapati aplikasi Author yang digunapakai oleh UTHM untuk kelas dalam talian adalah memuaskan	3 (0.7%)	29 (7.2%)	16 (4.0%)	253 (62.8%)	102 (25.3%)	4.06	.789	Tinggi
2	Saya dapati aplikasi Google Meet yang digunapakai oleh UTHM untuk kelas dalam talian adalah baik dan berkesan.	1 (0.2%)	15 (3.7%)	17 (4.2%)	245 (60.8)	125 (31.0)	4.18	.700	Tinggi
3	Saya dapati aplikasi Google Classroom yang digunapakai oleh UTHM untuk kelas dalam talian	3 (0.7%)	10 (2.5%)	22 (5.5%)	237 (58.8%)	131 (32.5%)	4.19	.715	Tinggi

15 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Aplikasi Dalam Talian Dan Si-kap Pen-syarah Dalam Pembelajaran Jarak Jauh Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Semasa Pandemik Covid-19

	adalah memuaskan .								
4	Saya dapati aplikasi Zoom yang digunakan oleh UTHM untuk kelas dalam talian adalah baik dan berkesan.	15 (3.7%)	51 (12.7%)	110 (27.3%)	183 (45.4%)	44 (10.9%)	3.47	.972	Tinggi
5	Saya dapati aplikasi Quizziz yang digunakan oleh UTHM untuk kelas dalam talian adalah bagus dan memuaskan .	6 (1.5%)	16 (4.0%)	48 (11.9%)	242 (60.0%)	91 (22.6%)	3.98	.797	Tinggi
	Jumlah						3.97		Tinggi

Hasil dapatan mendapati bahawa aplikasi *Google Classroom* merupakan pilihan yang tertinggi oleh responden. Hal ini dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya adalah aplikasi *Google Classroom* merupakan aplikasi yang memenuhi standard antarabangsa ISTE. Malaysia juga merekodkan platform *Google Classroom* merupakan carian frasa tertinggi di dunia sebagai medium P&P secara dalam talian semasa tempoh PKP (Hairom, 2020). Selain itu, *Google Classroom* merupakan aplikasi yang mesra

pengguna dan kebanyakan pengajar telah selesa menggunakan aplikasi yang berasaskan *Google* dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Desiro & Hazrati, 2021). Aplikasi ini merupakan medium yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi meningkatkan pembelajaran secara berterusan. Ciri-ciri istimewa yang dimiliki oleh aplikasi ini adalah penarik utama mengapa penggunaannya menjadi pilihan. *Google Classroom* direka sebagai aplikasi mesra pengguna, baik bagi pelajar mahupun pengajar. Antara ciri-cirinya adalah proses log masuk akaun pengguna yang mudah, proses penghantaran dan penerimaan tugas yang diberi oleh pensyarah dapat diakses dengan mudah, pensyarah juga boleh menghantar pemakluman dan bahan mengajar kepada pelajar melalui aplikasi yang sama malah boleh dikongsi kepada semua pelajar yang menyertai kumpulan subjek tersebut, penyimpanan data secara berpusat yang dapat memudahkan pelajar mengakses tugas (Desiro & Hazrati, 2021). Manakala aplikasi *Zoom* pula adalah aplikasi yang mendapat pilihan paling rendah dalam kalangan lima aplikasi dalam talian yang disenaraikan. Aplikasi *Zoom* adalah satu aplikasi komunikasi yang menggunakan video dan dapat diakses menggunakan pelbagai peranti pintar. Antara faktor kurangnya pilihan penggunaannya adalah aplikasi ini memberi pilihan kepada pengguna untuk memilih sama ada menggunakannya secara percuma tetapi mempunyai limitasi masa atau melanggan dengan kadar yang akan ditetapkan. Selain itu, dalam era pandemik ini, aplikasi *Zoom* juga bersaing dengan aplikasi-aplikasi yang serupa dengannya seperti *Google Meet*, *Webex*, *Microsoft Teams*, *Skype* dan lain-lain. *Zoom* juga antara aplikasi yang menggunakan kuota data yang banyak berbanding aplikasi komunikasi video dalam talian yang lain atas faktor keupayaannya menerima pengguna yang ramai dalam satu

17 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Aplikasi Dalam Talian Dan Si-kap Pensyarah Dalam Pembelajaran Jarak Jauh Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Semasa Pandemik Covid-19

masa. Aplikasi ini juga pernah terpalit dengan isu kebocoran maklumat dan data pengguna, ini sekaligus menjadi faktor keraguan pengguna untuk terus menggunakan aplikasi ini (Zakia, 2020). *Zoom* juga tidak mampu untuk menyimpan dan melindungi data dengan kadar maksimum (Iskandar, 2020). Walau bagaimanapun, aplikasi ini masih lagi efektif kerana ianya mampu mendorong para pelajar untuk berdikari dalam melaksanakan proses pembelajaran dalam talian dan aplikasi ini masih menarik untuk digunakan (Monica & Fitriawati, 2020). Pendekatan pembelajaran abad ke-21 ini dilihat dapat membantu memantau perkembangan pelajar dengan lebih sistematik dan berterusan (Desiro & Hazrati, 2021). Pembelajaran kini boleh diakses dengan menggunakan pelbagai pendekatan secara menyeluruh. Pembelajaran tidak lagi hanya tertumpu di bilik darjah.

4.3 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Pensyarah Semasa Kelas Dalam Talian

Dalam aspek tahap kepuasan responden terhadap pensyarah semasa kelas dalam talian jumlah skor min yang paling tinggi iaitu item pertama sebanyak 4.13 yang mana para pelajar lebih puas dengan sikap seorang pensyarah yang cekap dan bertanggung jawab semasa mengajar dalam talian. Manakala tahap yang paling rendah iaitu item ke 4 dengan jumlah skor min 3.82 ianya menunjukkan tahap kepuasan pelajar dalam berkomunikasi dengan pensyarah semasa kelas dalam talian adalah berkurang oleh kerana keterbatasan masa dan ruang, walaupun sikap para pensyarah sentiasa mesra dengan pelajar. Namun secara keseluruhan tahap kepuasan responden terhadap pensyarah semasa PJJ adalah ditahap yang

tinggi iaitu 4.01. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar UTHM mempunyai tahap kepuasan yang tinggi terhadap pensyarah semasa kelas dalam talian dijalankan.

Jadual 3 - Tahap kepuasan pelajar terhadap pensyarah semasa kelas dalam talian

No	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya dapati para pensyarah semasa mengajar kelas dalam talian adalah cekap dan bertanggung jawab.	2 (0.5%)	12 (3.0%)	30 (7.4%)	248 (61.5)	111 (27.5%)	4.13	.706	Tinggi
2	Saya dapati syarahan pensyarah terhadap subjek yang diajar semasa kelas dalam talian adalah jelas dan memuaskan.	2 (0.5%)	11 (2.7%)	37 (9.2%)	258 (64.0%)	95 (23.6%)	4.07	.691	Tinggi
3	Saya dapati maklumat yang dikongsi oleh pensyarah	2 (0.5%)	18 (4.5%)	34 (8.4%)	254 (63.0%)	95 (23.6%)	4.05	.737	Tinggi

19 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Aplikasi Dalam Talian Dan Si-kap Pensyarah Dalam Pembelajaran Jarak Jauh Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Semasa Pandemik Covid-19

	melalui aplikasi adalah memuaskan.								
4	Saya dapati hubungan komunikasi antara pensyarah dengan pelajar semasa kelas dalam talian adalah baik dan mesra.	2 (0.5%)	40 (9.9%)	40 (9.9%)	233 (57.8%)	88 (21.8%)	3.82	.975	Tinggi
5	Saya dapati tindak balas dan respon pensyarah atas soalan yang diajukan oleh pelajar semasa kelas dalam talian adalah memuaskan.	2 (0.5%)	21 (5.2%)	31 (7.7%)	229 (56.8%)	120 (29.8%)	4.02	.928	Tinggi
	Jumlah						4.01		Tinggi

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, dapat dirumuskan beberapa perkara penting. Perkara pertama yang mendapat pilihan yang tertinggi iaitu tahap kepuasan pelajar terhadap sikap pensyarah yang cekap dan bertanggungjawab semasa mengajar secara dalam talian. Manakala kedua tertinggi adalah syarahan pensyarah semasa kelas dalam talian adalah jelas dan memuaskan. Kedua-dua perkara ini mendapat pilihan yang tinggi

didorong oleh keadaan para pelajar dan pensyarah mengalami situasi serta kesukaran yang sama semasa menjalankan pembelajaran dalam talian. Atas dasar itu, pelajar menghargai kesungguhan dan komitmen yang diberikan oleh pensyarah mereka untuk meneruskan pembelajaran secara dalam talian. Proses pembelajaran antara pengajar dan pelajar akan menjadi semakin baik apabila sinergi komunikasi antara keduanya berlaku dengan baik (Malik, 2014). Manakala pilihan ketiga tertinggi pula adalah maklumat yang dikongsikan oleh pensyarah melalui aplikasi adalah memuaskan. Perkara ini didorong oleh gaya dan pendekatan pengajaran yang dibawa oleh pensyarah dengan menggunakan aplikasi dalam talian tertentu bagi mewujudkan suasana yang aktif dan penyampaian ilmu yang mudah difahami. Pilihan yang keempat dan terakhir adalah berkaitan dengan komunikasi. Pelajar mendapati tindak balas dan respon daripada pensyarah semasa pembelajaran secara dalam talian adalah baik dan mesra. Manakala yang terakhir, hubungan komunikasi antara pensyarah dan pelajar semasa pembelajaran dalam talian adalah baik dan mesra. Kedua-dua perkara ini mendapat pilihan yang paling rendah atas faktor semasa pandemik yang masih membataskan keberadaan pelajar secara fizikal ke kampus dan tidak merasai suasana sebenar di dalam kuliah. Selain itu, faktor lain juga adalah keterbatasan masa antara kedua belah pihak. Selain itu, permasalahan rangkaian internet juga mendorong perkara ini tidak berlaku dengan baik.

4.4 Tahap Keseluruhan Kepuasan Pelajar Terhadap Aplikasi Dalam Talian dan Sikap Pensyarah Dalam PJJ Semasa Pandemik Covid-19 di UTHM

21 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Aplikasi Dalam Talian Dan Sikap Pensyarah Dalam Pembelajaran Jarak Jauh Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Semasa Pandemik Covid-19

Secara keseluruhannya, tahap kepuasan responden terhadap aplikasi dalam talian yang dijalankan oleh UTHM semasa PJJ (Pembelajaran Jarak Jauh) adalah pada tahap yang tinggi dengan min 3.97, manakala tahap kepuasan mereka terhadap sikap pensyarah semasa PJJ juga pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.01. Hal ini menunjukkan bahawa para pelajar UTHM memiliki kepuasan yang tinggi terhadap aplikasi dalam talian yang dijalankan oleh UTHM semasa PJJ, begitu juga dengan sikap pensyarah semasa kelas dalam talian berlangsung. Walau bagaimanapun, masih ada beberapa perkara yang harus dibuat penelitian semula supaya proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lebih baik pada masa yang akan datang.

KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati tahap kepuasan pelajar terhadap aplikasi dalam talian adalah pada tahap yang memuaskan. Begitu juga dengan hasil tahap kepuasan pelajar terhadap pensyarah semasa kelas dalam talian juga berada pada tahap yang tinggi dan memuaskan. Namun demikian, pihak pensyarah perlu mengambil kira kelemahan aplikasi tersebut terlebih dahulu sebelum menggunakannya agar permasalahan dapat diatasi dengan baik. Pembelajaran dalam talian ini memerlukan komitmen daripada kedua pihak iaitu pelajar dan pensyarah itu sendiri. Hal ini kerana, sekiranya salah seorang tidak memberi kerjasama yang baik, pembelajaran tidak dapat diteruskan dengan lancar dan efisien. Justeru, kajian ini dapat memberi maklumat kepada tenaga pengajar dan pihak pengurusan bagi merancang kaedah P&P dengan menggunakan aplikasi yang terbaik supaya para pelajar berminat dan bersemangat dalam menimba ilmu.

Selain itu, bagi pengkaji dan penyelidik, dicadangkan melakukan kajian yang lebih meluas di IPT lain bagi mengetahui tahap ketersediaan pengajar dan pelajar dalam menghadapi pembelajaran secara maya. Kajian ini juga boleh dikembangkan lagi dengan melihat skop di setiap fakulti sesebuah IPT bertujuan melihat perbezaan kos dengan penerapan pembelajarannya. Dengan ini, masalah antara pendidik dengan pelajar dapat dikenal pasti dan di atasi dengan sebaiknya. Oleh itu, diharap pengkaji yang lain boleh meneruskan kajian seumpama ini dengan lebih baik.

ACKNOWLEDGMENT

Kajian ini dibawah geran penyelidikan TIER 1 H 823, Pusat Pengurusan dan Penyelidikan (RMC), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

References

- Abdul Malik. Fungsi Komunikasi Antara Guru dan Siswa dalam Meningkatkan Kualitas Pendidikan Kasus Proses Belajar Mengajar pada SMP Negeri 3 Sindue. *Jurnal Interaksi, Vol. 3 No. 2, Julai 2014: 168-173.*
- Ahmad Johari Sihes & Norbaizura Sani. (2011). Perlaksanaan E-Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Fakulti Pendidikan Dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Educational, 3 (2011) p. 33-51.*
- Ahmad Zaki Amiruddin, Ahmed Thalal Hassan, Ahmad Abdul Rahman, Nor Abdul Rahman & Mohd Shahrman Abu Bakar. (2014). Penggunaan Aplikasi atas Talian dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Ketiga: Pengenalan kepada Quizlet.com. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014) Batu Pahat, Johor, 9-10 April 2014.*

23 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Aplikasi Dalam Talian Dan Si-kap Pen-syarah Dalam Pembelajaran Jarak Jauh Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Semasa Pandemik Covid-19

- Baek, Y., Jung, J., & Kim, B. (2008). What Makes Teachers Use Technol-ogy in the Classroom? Exploring the Factors Affecting Facilitation of Technology with a Korean Sample. *Computers & Education*, 50(1), 224-234
- Berita Harian. (2021). Sedia Menghadapi Kelas Maya Sesuai Norma Baharu. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/679003/sedia-hadapi-kelas-maya-sesuai-normal-baharu>
- Dias, M.O., Lopes, R. "Will the COVID-19 Pandemic Reshape our Society?" *EAS Journal of Humanities and Cultural Studies*. April 2020, Vol. 2, Issue 2, pp. 93-97. ISSN: 2663-6743 (Online). DOI: 10.36349/EASJHCS.2020.V02I02.013
- Dong, C., Cao, S., & Li, H. (2020). Young Children's online Learning during COVID-19 Pandemic: Chinese Parents' Beliefs and Atti-tudes. *Children and Youth Services Review*, 118, 105440.
- Fionna Nott Anak Jerry & Suziyani Mohamed. (2021). Tahap Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Kualiti Pendidikan Prasekolah Kerajaan. *Jurnal Dunia Pendidikan Vol. 3, No. 2, 225-235, 2021*.
- Hairom, N. (17 April 2020). Carian Google Classroom di Malaysia Tertinggi di Dunia. *Sinar Harian*. <https://www.sinarhar-ian.com.my/article/79328/BERITA/Nasional/Carian-Google-Class-room-di-Malaysia-tertinggi-di-dunia>
- Hamid Z. & Hanafiah M. G. (2016). Pemikiran Belia Malaysia: Pengaruh Umur, Etnisi dan Status Ekonomi (Thoughts of Malaysia Youth: Influence of Age, Ethnicity and Economic Status). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (11).
- Ice Afriyanti, Wardono & Kartono. (2018). Pengembangan Literasi Ma-tematika Mengacu PISA Melalui Pembelajaran Abad Ke-21 Ber-basis Teknologi. In *PRISMA, Prosiding Seminar Nasional Ma-tematika, Vol. 1, pp. 608-617 (2018)*.

- Junita Monica & Dini Fitriawati. (2020). Efektivitas Penggunaan Aplikasi Zoom Sebagai Media Pembelajaran Online Pada Mahasiswa Saat Pandemi Covid-19. *Jurnal Communio Jurnal Jurusan Ilmu Komunikasi Vol. 9 No. 2 (2020) p. 1581-1695*
<https://doi.org/10.35508/jikom.v9i2.2416>
- Keith Heggart & Joanne Yoo. (2018). Getting the Most from Google Classroom: A Pedagogical Framework for Tertiary Educators. *Australian Journal of Teacher Education, Vol. 43, No. 3 (2018)*.
- Kementerian Kesehatan Malaysia. (2021). (<http://covid-19.moh.gov.my/terkini>) Krejcie, Robert V., & Daryle W. Morgan. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement, 30 (3), 607-610*.
- Kop, R. (2011). The Challenges to Connectivist Learning On Open Online Networks: Learning Experiences during a Massive Open Online Course. *International Review of Research in Open and Distributed Learning, 12(3), 19-38*.
- Lambert, J., & Cuper, P. (2008). Multimedia Technologies and Familiar Spaces: 21st Century Teaching for 21st Century Learners. *Contemporary Issues in Technology and Teacher Education, 8(3), 264-276*
- McNeish Daniel. (2018). Thanks Coefficient Alpha, We'll Take it from Here. *Psychological Methods, 23(3), 412*.
- Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow Tze Wei. (2017). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Kendiri Pembelajaran Geometri Tingkatan Satu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction, 14(1), 211-265*.
- Mohd Nazri Md Saad. (2017). Perkembangan Media, Multimedia dan Teknologi Maklumat Masa Kini. *The Conference on Development of Education, Environment, Tourism, Economics, Politics, Arts and Heritage (ICDETAH2017)*, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Mohd Salleh, F. I., Ghazali, J. M., Ismail, W. N. H. W., Alias, M., & Rahim, N. S. A. (2020). The Impacts Of COVID-19 Through

25 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Aplikasi Dalam Talian Dan Si-kap Pen-syarah Dalam Pembelajaran Jarak Jauh Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Semasa Pandemik Covid-19

Online Learning Usage For Tertiary Education In Malaysia. *Journal of Critical Reviews*, 7(8), 147-149.

Muhammad Mazni, Roslee Talip, & Muhammad Suhaimi Taat. (2019). Pengaruh Kualiti Pengajaran Dan Pembelajaran Terhadap Kepuasan Belajar Pelajar Kolej-Kolej Swasta Di Sabah. *Jurnal of ILMI*, 9(1), 102-119.

Muhammad Zulkarnain Mohd Azman. Sinar Harian. (11 Julai 2021). *Minat Untuk Belajar Semakin Pudar*. <https://www.sinarharian.com.my/article/149333/LAPORAN-KHAS/Minat-untuk-belajar-semakin-pudar>

Nopilda, L., & Kristiawan, M. (2018). Gerakan Literasi Sekolah Berbasis Pembelajaran Multiliterasi Sebuah Paradigma Pendidikan Abad Ke-21. *JMKSP Jurnal Manajemen, Kepemimpinan dan Supervisi Pendidikan*, 3(2), 216-231.

Nur Akalili Mohd Amin & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Kajian Tinjauan Persepsi Murid Sekolah Menengah Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan e-ISSN: 2682-826X, Vol. 3, No. 2, 344-361, 2021*.

Nur Desiro Saidin & Hazrati Husnin. (2021). Google Classroom Sebagai Pelantar M-Pembelajaran: Tahap Pengetahuan dan Tahap Kesiapan Guru-Guru Sekolah Menengah Luar Bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan Vol. 3, No. 2, 279-292, 2021*.

Nur Fatin Shamimi Che Ibrahim, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Mohd Ra'in Shaari & Kesavan Nallaluthan. (2021). Persepsi Pelajar terhadap Aplikasi Multimedia Interaktif dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21. *Online Journal for TVET Practitioners Vol. 6 No. 1 (2021) 15-24*.

Nur Hazirah Hairia'an & Masayu Dzainudin. (2020). Pengajaran dan Pemudahcaraan dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan (Special Issue), Vol. 9, 2020 (18-28)*.

- Nurul Hafizah Maarof, Norfiza Apfandi, Nurul Suzaina Joli & Rorlinda Yusof. (2020). ITRACK dalam PDP Sejarah: Tinjauan Terhadap Motivasi Pelajar. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(1), 83-97.
- Najmul Hasan & Bao Yukun. (2020). Impact of “E-Learning Crack-Up” Perception on Psychological Distress among College Students during COVID-19 Pandemic: A Mediating Role of “Fear of Academic Year Loss”. *Children and Youth Services Review*, Volume 118, 105355 (2020).
- Norma Jusof & Mohd Isa Hamzah. (2020). Kemahiran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Berpusatkan Murid: Satu Analisa. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 1-26.
- Norsyamimi Nordin & Mohammad Mujaheed Hassan. (2019). Kerangka Kaedah Kajian Penyelidikan: Faktor-faktor yang Mempengaruhi Komitmen Prestasi Kerja. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, Volume 4, Issue 7, p. 111-121 (2019).
- Putri Zakia Salsabila. (April 2020). Bahaya yang Mengintai di Balik PenggunaZoom.<https://tekno.kompas.com/read/2020/04/02/20340017/bahaya-yang-mengintai-di-balik-penggunaan-zoom?page=all>
- Rira Kartika. (2020). Analisis Faktor Munculnya Gejala Stres Pada Mahasiswa Akibat Pembelajaran Jarak Jauh di Masa Pandemi Covid-19.
- Yaoran Li Garza Veronica, Keicher Anne & Popov Vitaliy. (2019). Predicting High School Teacher use of Technology: Pedagogical Beliefs, Technological Beliefs and Attitudes and Teacher Training. *Technology, Knowledge and Learning*, 24(3), 501-518.
- Zamry Ahmad Mokhtar & Nur Ashikin Lakman. (2021). Peralihan dari Pembelajaran Bersemuka ke Pembelajaran Secara atas Talian untuk Subjek Mechanics of Civil Engineering Structures semasa Pandemik Covid-19. *ANP Journal of Science and Humanities Vol. 2 No. 2 (2021) p.11-18.*